

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 6**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerjaan dengan gaji sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan telah berjaya dicipta untuk tempoh setahun yang lalu dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan satu juta pekerjaan dengan gaji RM2,500 dapat dicipta dalam tempoh masa 5 tahun (2018-2023).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Data terkini mengenai gaji belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Walau bagaimanapun, data sedia ada yang dihasilkan oleh DOSM bagi suku kedua tahun 2019 (2/2019) untuk gaji pada tahun 2017 menunjukkan bahawa gaji purata mengikut kemahiran adalah RM4,574 bagi tenaga kerja mahir, RM1,947 bagi tenaga kerja separa mahir, dan RM1,531 bagi tenaga kerja berkemahiran rendah.

2. Kajian *National Wage Index* keluaran Instiitut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) mendapati peningkatan kadar indeks dari Mac 2018 dan September 2019 sebanyak 2.3%. Pada Mac

## SOALAN NO: 6

2018, Indeks Gaji adalah pada kadar 107.5%, manakala pada September 2019, Indeks Gaji adalah pada kadar 109.8%.

3. Seterusnya, berdasarkan kepada data secara suku tahunan bermula Mei 2018 sehingga Mac 2019 mengenai peluang pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak dua ratus empat puluh tiga ribu (243,000) peluang pekerjaan. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada jumlah guna tenaga pada suku pertama pada tahun 2019 berjumlah lima belas juta sepuluh ribu dua ratus (15,010,200) berbanding jumlah guna tenaga pada suku kedua pada tahun 2018 berjumlah empat belas juta tujuh ratus enam puluh tujuh ribu dua ratus (14,767,200).

4. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), jumlah guna tenaga pada tahun 2020 dijangka akan mencecah lima belas juta tiga ratus empat puluh tujuh ribu lima ratus (15,347,500). Ini merupakan peningkatan sebanyak lima ratus lapan puluh ribu tiga ratus (580,300) jumlah guna tenaga (anggaran 240,000 setahun) semenjak Kerajaan memerintah pada suku kedua pada tahun 2018.

5. Sehubungan itu, ini menunjukkan Kerajaan mampu menghasilkan peluang pekerjaan dalam anggaran 200,000 setahun. Dengan jumlah anggaran tersebut, Kerajaan menjangka dapat menghasilkan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun.

6. Cabaran Kerajaan dalam penyediaan 1 juta pekerjaan adalah untuk meningkatkan kualiti pekerjaan dan kadar kemahiran guna tenaga mahir daripada guna tenaga separuh mahir. Bagi mencapai tujuan ini, langkah-langkah berikut sedang dijalankan oleh Kerajaan:

- (i) Kerajaan perlu menarik lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) atau *domestic direct investment* (DDI) yang menyumbangkan terhadap penghasilan *high value jobs* dan *knowledge worker (k-worker)*. Oleh yang

## SOALAN NO: 6

demikian, negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensif buruh (*labour intensive*) dan bergaji rendah (*Low Paying Jobs*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *k-worker* adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah daripada KDNK seperti yang dinikmati negara maju;

- (ii) Menggalakkan latihan-latihan bersifat *internship* di kalangan majikan bagi membolehkan lebih ramai pencari kerja tempatan diserap dalam pekerjaan dan SLDN;
- (iii) Menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan lagi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk pencari kerja berkemahiran; dan
- (iv) Mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan kerjasama industri untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing yang bergaji rendah.